



KEMENTERIAN KERJA RAYA
MALAYSIA

KENYATAAN MEDIA

PENJELASAN KKR MENGENAI HUTANG DASH

Kementerian Kerja Raya mengambil maklum tentang aduan beberapa kontraktor mengenai pembayaran lewat bagi kerja-kerja Lebuhraya Damansara-Shah Alam (DASH).

Kami juga mengambil maklum tentang kontraktor yang terjejas berikutan tunggakan bayaran bagi lebuhraya yang baharu dibuka - Lebuhraya Bertingkat Sungai Besi - Ulu Kelang (Suke).

Bagi mengelakkan kekeliruan, pemegang konsesi adalah pihak bertanggungjawab terhadap semua pembayaran kepada kontraktor dan bukannya kerajaan.

Bagi kedua-dua lebuhraya ini, pemegang konsesi DASH dan Suke adalah Projek Lintasan Kota Holdings Sdn Bhd atau PROLINTAS.

Di bawah perjanjian konsesi yang dimeterai, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) memiliki kuasa kawal selia bagi mengaudit bajet bagi lebuhraya terbabit dan melakukan intervensi.

Kementerian Kerja Raya sudah mengarahkan LLM untuk segera mengadakan pertemuan dengan pemegang konsesi dan kontraktor utama dengan dihadiri sub-kontraktor yang terjejas akibat dari tunggakan pembayaran kepada mereka, bagi memastikan segala pembayaran tertunggak diselesaikan secepat mungkin sebagaimana di arahkan Perdana Menteri.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

18 OKTOBER 2022

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Kerja Raya Malaysia

www.kkr.gov.my | pro@kkr.gov.my | [KEMENTERIAN KERJA RAYA](https://www.facebook.com/kementerian.kerja.raya) | [KKR_MALAYSIA](https://www.instagram.com/kkr_malaysia) | [@MOWORKS](https://www.tiktok.com/@moworks) | [KEMENTERIAN KERJA RAYA OFFICIAL](https://www.youtube.com/channel/UCv8v8v8v8v8v8v8v8v8v8v8)

Tel : 03 8000 8000 / D.L : 03 2771 4616 / 4627 | Faks : : 03 2711 1101

Jalan Sultan Salahuddin,
50580 Kuala Lumpur